

# 136 pelajar a-bangsa daftar di UMS ikuti Program Asas Bahasa Inggeris 2011

NST 12.10.11 4

KOTA KINABALU: Seramai 136 pelajar antarabangsa telah mendaftar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mengikuti Program Asas Bahasa Inggeris 2011 selama 6 bulan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof.Dr. Amran Ahmed berkata, pihak UMS mengalu-alukan kedatangan pelajar dari seluruh pelusuk dunia untuk menyambung pengajian di universiti yang berprestij ini.

"Adalah menjadi misi kami untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di mana para pelajar tem-

patan mahupun antarabangsa boleh bersama-sama menimba ilmu mereka di sini.

"UMS Link sedang dalam proses membina pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa yang berprestij yang dikenali juga sebagai UMS Link International Precinct di Alamesra, Kota Kinabalu, terutamanya untuk memenuhi keperluan masyarakat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Hari Pendaftaran International Student Foundation Programme (ISFP) di Galeri UMS,

Bangunan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

Katanya, ISFP merupakan program asas Bahasa Inggeris untuk pelajar antarabangsa sebagai persempena bagi pelajar antarabangsa sebelum memasuki UMS bagi menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda yang dijalankan oleh UMS Link Centre for Professional Development (UCPD).

"Kursus ini adalah bertujuan untuk kelayakan prasyarat sebelum diambil belajar dalam pelbagai program atau bidang di peringkat ijazah

di UMS.

"Sebelum menyambung pengajian mereka di peringkat ijazah dan pasca siswazah di UMS, pelajar antarabangsa ini harus melengkapkan syarat dalam ISFP," jelasnya.

Beliau maklumkan kepada semua para pelajar antarabangsa yang baru bahawa ISFP merupakan periksaan ketat yang menuntut komitmen dan keazaman para pelajar untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik.

"Apabila anda berjaya menamatkan kursus ISFP, anda akan di-

anugerahkan Sijil Certificate of English Language Competency dan Foundation Studies di mana akan melayakkan anda untuk menyambung pengajian di UMS," katanya.

Jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa yang mendaftar pada kali ini adalah seramai 136 orang yang terdiri daripada para pelajar dari China, Korea dan Turki iaitu 133 orang dari China, dua dari Korea dan seorang dari Turki. - **OLEH MIZRON MARALANG** – [mizron@news-abahtimes.com.my](mailto:mizron@news-abahtimes.com.my)



**KENANGAN ...** Para pelajar antarabangsa merakamkan kenangan bersama dengan Dr. Amran (duduk, tengah) dan Pengurus Pendidikan dan Latihan, UMS Link Holdings Sdn. Bhd, Rizal Malik (duduk, kanan).



**CENDERAHATI ...** Dr Amran (kiri) menerima cendera hati daripada Rizal (dua, kanan) pada majlis itu.